

10 JAN 1997

Hamid-punk

IBU BAPA DIPERSALAH BIARKAN ANAK JADI PUNK

KUALA LUMPUR, 10 Jan (Bernama) -- Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Othman hari ini menyalahkan ibu bapa termasuk daripada kalangan korporat kerana memberi kebebasan tanpa had kepada anak-anak mereka sehingga ada yang terlibat dalam gejala buruk seperti "punk".

"Kalau anak terlibat dalam gejala negatif kita tidak boleh salahkan orang muda itu saja tetapi sebenarnya ibu bapa yang nombor satu patut disalahkan kerana tidak mengawal anak dari kecil dan tidak mengenakan had kebebasan," katanya.

Abdul Hamid berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan Pameran Puasa dan Hari Raya di Masjid Negara setelah diminta mengulas mengenai rasa tidak senang Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad terhadap penglibatan remaja negara ini dalam budaya punk, yang menonjolkan antara lainnya corak kehidupan yang ganas.

Dalam satu ucapan di Kedah semalam, Perdana Menteri menyelar golongan muda yang terbabit dengan budaya remaja Barat itu yang kini menular khususnya di ibu negara dan menyifatkannya sebagai amalan yang bodoh.

Abdul Hamid berkata ada golongan atasan yang sangat sibuk telah membiarkan keluarga terumbang-ambing dan kurang menekankan kepada pendidikan asas iaitu pengetahuan agama.

"Disebabkan masyarakat Islam di Malaysia baru berkecimpung dalam dunia korporat sedangkan dulu mereka terbabit dalam pertanian dan dikawal di peringkat kampung, perubahan mendadak ini boleh menyebabkan mereka hilang punca," katanya.

Abdul Hamid berkata gejala buruk bukan saja menular di kalangan orang miskin kerana ia turut membabitkan yang kaya akibat ketiadaan kawalan terhadap nilai kehidupan.

Untuk mengatasi masalah seperti ini, Jabatan Agama kini menggunakan masjid, surau dan Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) sebagai pendekatan utama bagi memantapkan usaha menangani gejala negatif di kalangan remaja.

Katanya pendekatan secara langsung seperti itu akan melibatkan ibu bapa dan golongan muda, masjid dan PIBG untuk sama-sama mencari jalan mengatasi masalah itu.

Pameran itu yang akan berlangsung sehingga 15 Feb ini dan melibatkan beberapa jabatan kerajaan bertujuan memberi kesedaran mengenai kesihatan, keselamatan jalan raya dan berjimat cermat.

Yang turut hadir ialah Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin. -- BERNAMA

NHD MAI